

BAB  
PERTAMA

## **BAB PERTAMA:**

### **SENARIO JENAYAH DI KALANGAN JUVENIL DI MALAYSIA**

#### **1.0: Pendahuluan**

Jenayah adalah masalah yang tidak pernah luput di mana-mana negara sekali pun. Malaysia, umpamanya, turut menghadapi fenomena jenayah semenjak zaman berzaman. Saban hari, kita sering didedahkan dengan pelbagai peristiwa jenayah oleh media-media massa, sama ada yang melibatkan golongan kanak-kanak atau juvenil, atau golongan dewasa. Pesalah jenayah pula melibatkan pelbagai latar belakang usia, jantina, bangsa dan agama.

Kajian di dalam bab ini akan membincangkan masalah jenayah yang berlaku di kalangan pesalah muda atau pesalah juvenil di negara ini. Tinjauan akan dibuat terhadap data-data mengenai pesalah juvenil dan perbuatan jenayah yang dilakukan bagi memastikan apakah ianya benar-benar berada pada tahap yang serius seperti mana dakwaan yang dibuat oleh media-media massa. Walau bagaimanapun, terlebih dahulu akan ditinjau tafsiran jenayah menurut undang-undang bagi memahami apa yang dimaksudkan dengan jenayah.

### **1.1: Tafsiran Jenayah Menurut Undang-undang Dan Syarak**

Jenayah ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran oleh ahli-ahli perundangan. Menurut Card, jenayah adalah suatu kesalahan di sisi undang-undang. Seseorang yang dapat dikesan melakukan perbuatan jenayah boleh didakwa atas kesalahannya oleh pihak pendakwa, seterusnya dia boleh dikenakan hukuman sekiranya dakwaan yang dijalankan dapat membuktikan dia bersalah<sup>1</sup>. A P Simester dan G R Sullivan pula berpendapat bahawa jenayah adalah suatu perbuatan yang dilarang oleh undang-undang, justeru itu pesalah jenayah boleh didakwa di bawah prosiding jenayah, dan seterusnya boleh dikenakan hukuman. Dalam hal ini, undang-undang jenayah adalah di antara bentuk undang-undang yang berperanan mencegah sesetengah jenayah daripada berlaku<sup>2</sup>.

Jenayah juga ditafsirkan sebagai hasil tindak-tanduk seseorang, sama ada secara aktif atau pasif, yang menjadi tanggungjawab pihak berkuasa sesebuah negeri untuk mencegahnya<sup>3</sup>. Bagi Smith, jenayah merupakan satu perbuatan salah yang secara langsung serta pada tahap yang serius, boleh mengancam keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, dan adalah tidak selamat untuk membiarkan pesalah dan mengharapkannya pulih dengan sekadar pemberian

pampasan kepada mangsanya<sup>4</sup>. Jenayah juga diberi tafsiran oleh mahkamah sebagai satu bentuk kesalahan moral dan tindakan yang menuntut kepada pembalasan<sup>5</sup>.

Dalam Kamus Undang-undang, jenayah ditafsirkan sebagai suatu perbuatan (atau kadangkala gagal melakukan perbuatan) yang ditentukan oleh statut atau *common law*, sebagai kesalahan awam, dan boleh dikenakan hukuman oleh kerajaan negeri dalam prosiding jenayah. Setiap perbuatan jenayah pula mesti mengandungi *actus reus* yang diiringi oleh *mens rea*, dan elemen kedua ini mesti dibuktikan tanpa sebarang keraguan<sup>6</sup>. Dalam hal ini, sikap seseorang pelaku jenayah dapat dikawal dengan wujudnya undang-undang mengenai jenayah, dan penggunaan undang-undang ini secara menyeluruh dapat membantu menjaga kepentingan dan kebijakan sesebuah masyarakat<sup>7</sup>. Antara contoh kesalahan jenayah ialah kesalahan dalam bentuk moral yang serius seperti membunuh dan merogol, kesalahan mengganggu ketenteraman awam seperti gangguan seksual dan kesalahan awam seperti mencuri.

Jenayah di dalam bahasa Arab dipanggil sebagai *jināyah* atau *jarīmah* yang bererti berdosa, memperolehi sesuatu atau memotong. Namun dari segi istilah, ia membawa maksud pelanggaran batas-batas yang telah ditetapkan oleh

syari'at Islam, dan dikenakan oleh Allah s.w.t dengan hukuman *hadd* atau *ta'dhir*.<sup>8</sup>

Jenayah juga ditafsirkan sebagai perbuatan yang diharamkan, yang melibatkan jiwa, harta benda dan tubuh badan seseorang. Ini bererti, segala dosa dan maksiat yang dilakukan, sama ada sebesar-besar atau sekecil-kecil, dan sama ada dikenakan hukuman *qisās*, *ḥudūd* atau *ta'dhir* adalah terangkum dalam kesalahan jenayah.<sup>9</sup>

Walau apa juu tafsiran dibuat mengenai jenayah, yang pasti ia adalah perbuatan yang menceroboh hak dan ketenteraman awam. Oleh itu, amat wajar penceroboh tersebut dikenakan hukuman, terutamanya bagi menjamin keharmonian seluruh masyarakat dan negara.

### **1.2: Masalah Jenayah Di Kalangan Juvenil Secara Umum**

Hampir setiap hari masyarakat di negara ini dipaparkan oleh media-media massa dengan berita-berita mengenai perbuatan jenayah yang dilakukan oleh pesalah juvenil. Sebagai contoh, akhbar Berita Harian pada 16 Mac 2001

melaporkan kegiatan juvenil yang ponteng sekolah untuk mengambil dadah, kegiatan mencuri wang dalam masjid<sup>10</sup>, rancangan untuk melakukan percaduhan dengan menggunakan senjata<sup>11</sup>, meliwat budak berusia 11 tahun<sup>12</sup>, merogol pelajar tingkatan tiga<sup>13</sup>, menoreh tengkok rakan sehingga cedera<sup>14</sup>, pembunuhan pelajar tahun empat oleh pelajar tahun satu di Serting Dua, Jempol<sup>15</sup>, memeras ugut serta menikam pelajar berusia 7 tahun oleh sekumpulan pelajar darjah lima dan enam sebuah sekolah di Pandan Indah<sup>16</sup> dan banyak lagi. Perbuatan atau kesalahan jenayah ini dilakukan oleh pelbagai lapisan usia juvenil, terutamanya dari usia 7 hingga 18 tahun.

Berdasarkan data-data statistik dari Bahagian Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, fenomena jenayah yang melibatkan golongan juvenil di negara ini berada pada tahap yang membimbangkan. Kajian dari tahun 1992 hingga 1999 membuktikan kenyataan ini. Menurut sumber yang diperolehi dari Bukit Aman, bilangan kes dan tangkapan yang melibatkan pesalah juvenil sentiasa meningkat hampir setiap tahun. Pada tahun 1999, dilaporkan sebanyak 4,076 bilangan kes dan 6,538 bilangan tangkapan yang dilakukan terhadap juvenil yang disyaki terlibat dalam jenayah. Jumlah ini meningkat sebanyak 13% dari

tahun 1998 yang mencatatkan bilangan kes sebanyak 3,616 dan bilangan tangkapan sebanyak 6,020.

Sehingga hari ini, kesalahan-kesalahan jenayah yang melibatkan golongan juvenil di negara ini masih belum berkurangan. Meskipun pada zahirnya peratusan kes juvenil dalam negara masih kecil berbanding kes-kes juvenil di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat dan Britain, namun ia tetap tidak boleh dipandang ringan. Sekiranya ia tidak diatasi dan dibiarkan, kes juvenil ini akan menjadi suatu masalah besar dalam negara dan mampu menggugat keamanan yang wujud hari ini.

### **1.3 : Pengertian Pesalah Juvenil Menurut Undang-undang**

Juvenil<sup>17</sup> (*juvenile*) atau dikenali juga sebagai kanak-kanak dan remaja, adalah merujuk kepada segolongan masyarakat yang berusia di bawah umur. Menurut Akta Mahkamah Juvana 1947 (Akta 90), juvenil diertikan sebagai seseorang yang telah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah yang ditetapkan di bawah seksyen 82 Kanun Keseksaan, dan di bawah umur 18 tahun. Seseorang yang berusia di bawah 14 tahun di dalam Akta ini dipanggil sebagai kanak-

kanak, dan mereka yang telah berusia 14 tahun dan di bawah 18 tahun dipanggil sebagai orang muda<sup>18</sup>. Walau bagaimanapun, mereka yang berusia 18 tahun dan di bawah 21 tahun juga masih dianggap sebagai juvenil menurut Akta ini<sup>19</sup>.

Menurut seksyen 2, Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 (Akta 468) pula, juvenil atau kanak-kanak (mengikut istilah yang digunakan di dalam akta ini) ialah mereka yang berusia di bawah 18 tahun. Bagaimanapun, Kamus Undang-undang mentakrifkan juvenil sebagai merangkumi kanak-kanak di bawah umur dan remaja, yang berkeupayaan melakukan jenayah (di antara usia 14 hingga 17 tahun, dan 17 hingga 21 tahun)<sup>20</sup>. Penggunaan istilah juvenil ini lebih ditujukan kepada mereka yang bersikap delinkuen<sup>21</sup>, iaitu sering dan suka melanggar undang-undang yang tidak serius, atau melakukan perkara-perkara yang tidak boleh diterima oleh masyarakat. Namun adakalanya seseorang juvenil terlibat dalam pelanggaran undang-undang yang serius seumpama merompak, mencederakan dan membunuh.

#### **1.4: Jenis-jenis Jenayah Yang Melibatkan Juvenil**

Secara umumnya, jenayah, sama ada yang melibatkan pesalah dewasa atau pesalah juvenil, dibahagikan kepada tiga bentuk<sup>22</sup>, iaitu:

- i. jenayah kekerasan seperti bunuh, cubaan membunuh, samun berkawan bersenjata dan tanpa senjata, samun bersenjata dan tanpa senjata, rogol dan mencederakan manusia. Ia melibatkan peruntukan seksyen-seksyen 302,307, 395 dan 397, 392 dan 395, 392 dan 397, 392, 376, 324 dan 326, Kanun Keseksaan,
- ii. jenayah harta benda, seperti pecah rumah siang hari dan malam hari, curi kenderaan dan lain-lain kecurian. Ia melibatkan peruntukan seksyen-seksyen 454, 457, 379, 379A, 380 dan 381, Kanun Keseksaan, dan,
- iii. lain-lain jenis kesalahan, seperti dadah, peras ugut, ugutan bersenjata, memiliki senjata berbahaya, merusuh, judi, arak dan sebagainya. Ia melibatkan peruntukan seksyen 147 dan 148, 352 dan 354, 384 dan 385, 411, 420, 425 dan 426, Kanun Keseksaan, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan akta-akta judi (*Common Gaming Houses Act 1953 & Pool Betting Act 1967*).

Selain daripada pembahagian berdasarkan tiga jenis di atas, jenayah juga dibahagikan kepada indeks (*index*) dan bukan indeks (*non index*). Jenayah indeks bermaksud kesalahan-kesalahan yang senang untuk dikenalpasti dan dibuktikan (seperti jenis-jenis kesalahan di atas), manakala jenayah bukan indeks pula bermaksud kesalahan-kesalahan yang sukar untuk dikenalpasti dan dibuktikan (seperti jenayah penipuan melalui kad kredit, ataupun siber yang berlaku hari ini)<sup>23</sup>. Jadual berikut mencatatkan jenis-jenis jenayah dan bilangan juvenil yang terlibat sejak tahun 1992 hingga tahun 1999:

**Jadual 1: Jenis Jenayah Yang Melibatkan Juvenil Dari Tahun 1992-1999**

Kesalahan	1992	1993	1994	1995	1996	1997	1998	1999	Jumlah
Bunuh	17	12	11	6	22	25	26	19	138
Cubaan Membunuh	-	4	1	1	4	1	3	0	14
Samun Berkawan Bersenjata	7	2	5	7	13	1	30	17	82
Samun Berkawan Tanpa Senjata	16	15	7	18	23	11	26	19	135
Samun Bersenjata	-	4	1	3	15	30	40	50	143
Samun Tanpa Senjata	37	40	38	30	35	66	24	66	336
Rogol	36	53	66	70	95	117	85	124	646
Mencederakan Manusia	116	111	103	154	156	357	254	263	1,514
Pecah Rumah Siang Hari	116	207	141	148	131	204	206	193	1,346
Pecah Rumah Malam Hari	311	341	289	324	370	319	332	453	2,739
Curi Kenderaan	240	345	325	496	526	776	863	971	4,542
Lain-lain Kecurian	541	480	605	728	669	742	935	902	5,602
Dadah	97	139	114	126	134	150	46	5	811
Peras Ugut	3	7	8	5	11	-	1	1	
Ugutan Jenayah	20	25	26	28	19	-	1	1	
Memiliki Senjata Bahaya	8	15	15	11	7	-	*(95)	*(298)	
Merusuhan	12	10	26	51	65	-	1	1	
Judi	28	29	35	61	62	89	56	97	457
Lain-lain Kesalahan	333	476	286	396	463	740	595	599	3,888
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1938</b>	<b>2315</b>	<b>2102</b>	<b>2663</b>	<b>2820</b>	<b>3628</b>	<b>3616</b>	<b>4076</b>	<b>23,158</b>


\*Nota: Jumlah yang tertera ( ) meliputi keempat-empat jenis kesalahan yang bertanda " ]"

Sumber: Rekod IPPDRM, Bukit Aman

Jadual 1 menunjukkan dalam tempoh tahun 1992 hingga 1999, seramai 23,158 orang juvenil telah ditangkap kerana pelbagai kesalahan. Daripada jumlah tersebut didapati 61% membabitkan jenayah harta benda dan 13% melibatkan jenayah kekerasan. Dalam jenayah berbentuk kekerasan, kesalahan mencederakan manusia paling banyak dilakukan, iaitu meliputi 50% daripada jumlah keseluruhan jenayah ini. Kesalahan rogol merupakan kesalahan kedua banyak, iaitu meliputi 22% daripada jumlah keseluruhan tersebut, manakala kesalahan yang paling sedikit ialah cubaan membunuh, iaitu 0.5% daripada jumlah kesemuanya. Dalam jenayah harta benda pula, kesalahan mencuri kenderaan dan lain-lain jenis kecurian paling banyak dilakukan, iaitu meliputi 32% dan 39% daripada jenis jenayah ini. Kedua-dua bentuk jenayah kekerasan dan harta benda ini adalah kesalahan serius melibatkan juvenil, berbanding kesalahan moral yang melibatkan penyalahgunaan dan pengedaran dadah, peras ugut dan seumpamanya.

Graf di bawah juga menunjukkan peningkatan dan penurunan bilangan pesalah yang berlaku dari tahun 1992-1999. Didapati bilangan pesalah meningkat hampir setiap tahun, kecuali pada tahun 1994 dan 1998. Tahun 1993 mencatatkan kenaikan sebanyak 377 atau 19% dari tahun sebelumnya. Manakala penurunan bilangan pesalah yang berlaku pada tahun 1994 adalah

sebanyak 213 atau 9%. Pada tahun 1995, bilangan tersebut meningkat balik sebanyak 561 atau 27% dari tahun 1994. Peningkatan ini terus berlaku pada tahun 1996 sebanyak 157 atau 0.3%, dan pada tahun 1997, ia meningkat sebanyak 808 atau 29%. Penurunan bilangan yang berlaku pada tahun 1998 adalah sebanyak 12 atau 0.3% sahaja, namun ia kembali meningkat pada tahun berikutnya sebanyak 460 atau 13%.



Graf 1 : Peningkatan Dan Penurunan Bilangan Pesalah Juvenil Dari Tahun 1992- - 1999

Berdasarkan statistik peningkatan dan penurunan kadar jenayah ini, didapati tahun 1997 mencatatkan kenaikan tertinggi jenayah di kalangan juvenil, iaitu sebanyak 808 dengan jumlah keseluruhannya 3,628, berbanding tahun 1996

yang berjumlah 2,820. Manakala penurunan kadar jenayah berlaku dalam peratusan yang agak kecil dan jarang-jarang, berbanding dengan kenaikannya. Penurunan yang paling banyak sepanjang tahun 1992-1999 ini berlaku pada tahun 1994, dengan jumlah sebanyak 2,102 atau turun 9.2% dari tahun 1993.

Berdasarkan statistik yang diperolehi di atas, dapat disimpulkan bahawa perbuatan jenayah yang melibatkan juvenil di negara ini semakin serius tahun demi tahun. Namun demikian, masalah jenayah yang melibatkan juvenil ini dianggap sebagai satu masalah kecil<sup>24</sup> oleh pihak berkuasa, terutamanya polis di negara ini, berikutan bilangan pesalah juvenil adalah sedikit jika dinisbahkan dengan bilangan pesalah dewasa<sup>25</sup>.

### **1.5: Kategori Pesalah Juvenil Di Malaysia**

Pembahagian pesalah juvenil di Malaysia dibuat mengikut 3 kategori, iaitu berdasarkan umur, jantina dan bangsa. Tujuannya ialah untuk meninjau penglibatan mereka yang ditangkap dengan lebih terperinci.

### **1.5.1: Kategori Mengikut Umur**

Secara umumnya, juvenil yang ditangkap kerana disyaki terlibat dalam jenayah adalah di dalam lingkungan umur di antara 7-18 tahun. Namun begitu, bilangan mereka yang paling ramai terlibat, secara puratanya adalah yang berumur antara 16-18 tahun. Ini diikuti oleh mereka daripada usia 13-15 tahun, dan akhir sekali mereka daripada usia 7-12 tahun. Ini dapat dilihat berdasarkan jadual berikut.

**Jadual 2: Statistik Penglibatan Juvenil Dalam Jenayah Mengikut Usia Dari Tahun 1992-1999**

Tahun	Umur		
	7-12	13-15	16-18
1999	264	1,977	4,297
1998	301	1,611	4,109
1997	229	1,984	3,574
1996	173	1,502	2,926
1995	271	1,329	2,592
1994	168	983	2,096
1993	200	1,214	2,188
1992	243	1,105	1,816
Jumlah	1,849	11,705	23,598

Sumber: Rekod IPPDRM, Bukit Aman

Jadual di atas menunjukkan bahawa dari tahun 1992-1999, seramai 37,149 orang juvenil yang telah ditangkap dan disyaki terlibat dalam kesalahan jenayah. Daripada jumlah tersebut, 64% atau 23,598 orang adalah mereka yang berusia di antara 16-18 tahun. Sebanyak 32% atau 11,705 orang pula terdiri daripada juvenil yang berusia di antara 13-15 tahun, manakala sebanyak 4% atau 1,849 orang adalah juvenil yang berusia di antara 7-12 tahun.

Daripada aspek penglibatan juvenil dalam jenayah pada setiap tahun, tahun 1999 mencatatkan bilangan kes tangkapan yang terbanyak berbanding tahun-tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, peratusan tertinggi kes tangkapan ialah pada tahun 1995, iaitu 29% atau meningkat sebanyak 945 dari tahun 1994. Sementara peratusan kedua tertinggi didapati berlaku pada tahun 1997, iaitu 26% atau 1,186 melebihi tahun 1996. Manakala penurunan kes hanya berlaku sekali sepanjang 8 tahun tersebut, iaitu pada tahun 1994 sebanyak 10% atau 355 dari tahun sebelumnya.

### **1.5.2: Kategori Mengikut Jantina**

Secara umumnya, penglibatan juvenil lelaki dalam jenayah lebih ramai daripada juvenil perempuan. Jadual di bawah menjelaskan lagi fakta ini:

**Jadual 3: Statistik Penglibatan Juvenil Dalam Jenayah Mengikut Jantina  
Dari Tahun 1992-1999**

Tahun	Lelaki	Perempuan
1999	6,451	87
1998	5,942	78
1997	5,690	97
1996	4,531	70
1995	4,102	90
1994	3,180	57
1993	3,540	61
1992	3,123	41

Sumber: Rekod IPPDRM, Bukit Aman

Sepanjang tahun 1992-1999, rekod-rekod menunjukkan seramai 37,140 orang juvenil yang ditangkap kerana disyaki terlibat dalam jenayah. Daripada jumlah tersebut, seramai 36,559 orang adalah juvenil lelaki, manakala hanya 581 orang daripadanya adalah juvenil perempuan. Purata penglibatan juvenil lelaki

sepanjang 8 tahun ini adalah 98%, berbanding 2% sahaja juvenil perempuan. Jumlah penglibatan juvenil lelaki yang paling banyak, berlaku pada tahun 1999, iaitu 6451 orang atau 99%. Walau bagaimanapun, peningkatan peratusan tertinggi berlaku pada tahun 1992 dan 1998, iaitu sebanyak 99%.

Penglibatan juvenil perempuan dalam jenayah berlaku dalam kadar yang sedikit berbanding juvenil lelaki. Bagaimanapun, bilangan paling tinggi sepanjang tahun 1992-1999 berlaku pada tahun 1997, iaitu 97 orang atau 16.7% daripada jumlah keseluruhan mereka sepanjang 8 tahun tersebut. Manakala bilangan paling sedikit yang dicatatkan berlaku pada tahun 1992, iaitu sebanyak 41 orang atau 7% daripada jumlah mereka keseluruhannya sepanjang 8 tahun tersebut.

### **1.5.3: Kategori Mengikut Bangsa**

**Jadual 4: Statistik Penglibatan Juvenil Dalam Jenayah Mengikut Bangsa  
Dari Tahun 1992-1999**

Tahun	Bangsa			
	Melayu	Cina	India	Lain-lain
1999	3,938	1,129	937	534
1998	3,715	1,144	774	387
1997	3,478	1,194	674	441
1996	2,890	770	574	367
1995	2,402	922	507	361
1994	1,852	608	431	346
1993	2,110	738	458	295
1992	1,916	574	388	286

Sumber: Rekod dari Bukit Aman

Berdasarkan jadual di atas, didapati bahawa dari tahun 1992 hingga 1999, seramai 37,140 orang juvenil yang telah ditangkap kerana disyaki terlibat dalam kesalahan jenayah, dan 22,301 orang atau 60% daripada mereka berketurunan Melayu dan beragama Islam. Manakala seramai 7,079 orang atau 19% adalah juvenil bangsa Cina dan 4,743 orang atau 13% adalah juvenil bangsa India, diikuti oleh 3,017 orang atau 8% juvenil bangsa lain.

Jadual di atas juga menunjukkan bahawa purata penglibatan juvenil Melayu dalam jenayah sepanjang tahun 1992-1999 ialah sebanyak 53%. Jumlah mereka adalah mendominasi jumlah juvenil daripada bangsa-bangsa lain. Sementara penglibatan mereka paling banyak berlaku pada tahun 1999, iaitu seramai 3938 orang. Bagaimanapun, peratus tertinggi berlaku pada tahun 1996 yang mencatatkan sebanyak 63%, berdasarkan jumlah keseluruhan sepanjang 8 tahun tersebut.

Penglibatan juvenil daripada bangsa Cina pula paling banyak berlaku pada tahun 1997, iaitu sebanyak 1194 orang. Namun begitu, peratusan tertinggi berlaku pada tahun 1995, iaitu sebanyak 22%, berdasarkan jumlah keseluruhan tahun tersebut. Peratus tertinggi penglibatan juvenil India dalam jenayah pula berlaku pada tahun 1999, iaitu sebanyak 14%, dan bangsa lain adalah 11%, iaitu berlaku pada tahun 1994.

Jadual seterusnya juga menunjukkan peningkatan dan penurunan kadar jenayah di kalangan juvenil sepanjang tahun 1992 hingga 1999. Kajian mendapati peratus penglibatan juvenil Melayu dalam jenayah menurun sebanyak 2% pada tahun 1993 dari tahun sebelumnya. Penurunan peratusan turut berlaku pada tahun 1994 sebanyak 1% dari tahun 1993, dan 3% pada

tahun 1997 dari tahun 1996, serta 2% pada tahun 1999 dari tahun 1998. Manakala pada tahun 1995, didapati jumlah juvenil Melayu yang terlibat dalam jenayah meningkat dari tahun sebelumnya sebanyak 0.1%. Peningkatan peratusan berlaku juga pada tahun 1996 sebanyak 6% dari tahun 1995, dan 2% pada tahun 1998 dari tahun sebelumnya. Peningkatan dan penurunan peratusan jenayah yang melibatkan bangsa Cina, India dan lain-lainnya dapat dilihat dalam jadual di bawah:

**Jadual 5: Peratus Peningkatan Dan Penurunan Jenayah Di Kalangan Juvenil Bukan Melayu Dari Tahun 1992-1999**

Tahun	Bangsa		
	Cina	India	Lain-lain
1999	17.3%(- 1.7%)	14.3(+ 1.4%)	8.2(+ 1.8%)
1998	19%(-1.6%)	12.9%(+1.3%)	6.4%(- 1.2%)
1997	20.6%(+ 3.9%)	11.6%(-0.9%)	7.6%(- 0.4%)
1996	16.7%(- 5.3%)	12.5%(+0.4%)	8%(- 0.6%)
1995	22%(+ 3.2%)	12.1%(-1.2%)	8.6%(- 2.1%)
1994	18.8%(-1.7%)	13.3%(+0.6%)	10.7%(+ 2.5%)
1993	20.5%(+ 2.4%)	12.7%(+ 0.4%)	8.2%(- 0.8%)
1992	18.1%	12.3%	9%

\*Nota: (-) turun  
(+) naik

Sekali imbas, peningkatan dan penurunan peratus jenayah yang melibatkan pesalah juvenil dari tahun 1992 hingga 1999 nampak setara, dalam ertikata berlaku berselang-seli, namun hakikatnya kadar penurunan peratus yang berlaku adalah kecil berbanding kadar peningkatan. Sekiranya langkah untuk mengatasi masalah peningkatan kadar jenayah diabaikan, adalah dikhawatiri masalah jenayah di negara ini akan sentiasa meningkat dan tidak lagi menurun, dan sekiranya perkara ini terjadi, masalah jenayah di kalangan juvenil sudah menjadi suatu masalah yang amat sukar untuk dicegah dan dikawal.

### **1.6: Kesimpulan**

Berdasarkan statistik jenayah yang direkodkan oleh Bahagian Siasatan Jenayah di Bukit Aman, dapat disimpulkan bahawa masalah jenayah yang berlaku di kalangan juvenil di negara ini adalah meningkat setiap tahun. Peningkatan ini melibatkan juvenil daripada pelbagai latar belakang kehidupan, terutamanya juvenil Melayu yang amat ketara pembabitan mereka dalam kesalahan jenayah. Berdasarkan aspek jantina pula didapati bahawa juvenil lelaki lebih cenderung terjebak dalam kesalahan jenayah daripada

juvenile perempuan. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan data-data statistik yang telah dikemukakan. Kajian ini juga mendapati bahawa semakin matang usia seseorang juvenile, semakin ramai yang terlibat melakukan kesalahan jenayah. Juvenile dalam lingkungan usia 16 hingga 18 tahun paling ramai terjebak dalam kancah jenayah, dan juvenile dalam lingkungan usia 7 hingga 12 tahun adalah paling kurang terlibat. Pesalah juvenile didapati lebih cenderung melakukan jenayah harta benda berbanding jenayah kekerasan dan kesalahan-kesalahan lain. Ini menunjukkan bahawa kesalahan jenayah yang berlaku lebih banyak merujuk kepada masalah yang melibatkan material, misalnya masalah ekonomi dalam keluarga, iaitu ketidakmampuan ibu bapa untuk melunaskan kehendak anak-anak yang berupa material dan seumpamanya.

## **Nota Hujung**

<sup>1</sup> Card, Richard (1998), *Criminal Law*; London: Butterworth, m.s.1.

<sup>2</sup> Simester, A P & Sullivan, G R (2000), *Criminal Law*; Oxford-Portland Oregon: Hart Publishing, m.s.1 .

<sup>3</sup> Turner, J. W. Cecil (1964), *Russell on Crime*; Vol.1, London: Stevens & Sons, m.s.18.

<sup>4</sup> Smith, J C (1999), *Smith & Hogan-Criminal Law*; London: Butterworths, m.s.16.

<sup>5</sup> ibid, m.s.4.

<sup>6</sup> **Kamus Undang-undang** (1995), Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., m.s.144.

<sup>7</sup> Reid, Sue Titus (1998), *Criminal Law*; USA: Mc Graw-Hill, m.s.5.

<sup>8</sup> Al Māwardī, Abū al Hasan ‘Alī bin Muḥammad bin Ḥabīb al Baṣrī al Baghdādī (1996), *al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah*; Qāhirah: Muṣṭafā al Ḥalabī, m.s.219.

<sup>9</sup> Mahfodz Mohamad (Dr) (1993), *Jinayah Dalam Islam: Satu Kajian Ilmiah Mengenai Hukum-hukum Hudud*; Kuala Lumpur: Nurin Enterprise, m.s.2.

<sup>10</sup> Rujuk Berita Harian, 28 Mac 2001.

<sup>11</sup> Mingguan Malaysia, 1 April 2001.

<sup>12</sup> Berita Harian, 6 April 2001.

<sup>13</sup> Berita Harian, 20 April 2001.

<sup>14</sup> Berita Harian, 26 April 2001.

<sup>15</sup> Berita Harian, 4 Februari 1998.

<sup>16</sup> Berita Harian, 23 Jun 2000.

<sup>17</sup> Lihat **Kamus Dewan Edisi 3** (1997), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s.551; Istilah "juvenile" adalah istilah yang lebih tepat dan disahkan oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka; manakala istilah "juvana" adalah istilah yang digunakan di media-media massa, disebut di dalam Akta Mahkamah Juvana, dan popular di kalangan masyarakat awam.

<sup>18</sup> Lihat seksyen 2, Akta Mahkamah Juvana 1947.

---

<sup>19</sup> Lihat seksyen 40 yang memperuntukkan kebenaran kepada pesalah dalam usia 18 tahun dan di bawah 21 tahun untuk ditahan di pusat-pusat pemulihan juvenil seperti di Sekolah Henry Gurney dan sebagainya, sama seperti pesalah juvenil lainnya.

<sup>20</sup> Rujuk **Kamus Undang-undang** (1995), op.cit., m.s.306.

<sup>21</sup> Lihat **Kamus Dewan Edisi 3** (1997), op.cit., m.s.286.

<sup>22</sup> Sumber berdasarkan data-data statistik, Bahagian Siasatan Jenayah, Bukit Aman. Pembahagian jenis-jenis jenayah ini telah ditetapkan oleh *International Police* dan diselaraskan penggunaannya di seluruh dunia. Rujuk bersama Lampiran ‘D’.

<sup>23</sup> ibid.

<sup>24</sup> Temubual dengan *Chief Inspector* Rasdi bin Ramli dari Cawangan Perhubungan Awam, Bukit Aman pada 2 Mei 2000.

<sup>25</sup> Menurut Laporan Statistik 1998 oleh Jabatan Penjara Malaysia, sehingga 31 Disember 1998, bilangan pesalah juvenil di negara ini adalah 3.4% berbanding keseluruhan bilangan penghuni penjara yang berjumlah 29,150 orang.